Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial lwn Nor Azian bte Adnan

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO R2–16–05 TAHUN 2002
WAN AFRAH PK
18 SEPTEMBER 2003

Undang-Undang Buruh — Keselamatan Sosial — Pertikaian berkenaan — Faedah Bencana Kerja — Kemalangan semasa latihan biasa di luar waktu pejabat — Latihan dijalankan atas arahan dan selaku perkhidmatan kepada majikan — Sama ada kecederaan yang dialami responden adalah kes 'bencana kerja' — Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969

Responden, seorang kerani di Bank of Commerce (M) Sdn Bhd, adalah 'orang berinsuran' dalam lingkungan maksud Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ('Akta tersebut'). Beliau dipilih mewakili majikan di dalam pertandingan bola jaring di antara bank-bank dan diberi pelepasan daripada kerja oleh majikan untuk menghadiri latihan-latihan yang pada lazimnya dijalankan pada dan selepas waktu pejabat. Pada 15 Jun 1999 semasa responden menjalani latihan bola jarring di padang bola jaring Taman Tasik Titiwangsa, beliau terjatuh dan mengalami kecederaan. Kejadian berlaku pada kira-kira pukul 6.45 petang. Pihak perayu telah memutuskan bahawa kemalangan yang berlaku ke atas responden bukan satu kes 'bencana kerja' dalam lingkungan maksud s 2(6) Akta tersebut kerana kemalangan yang dialami responden semasa bermain bola jaring berlaku di luar waktu kerja dan bermain bola jaring bukan merupakan sebahagian daripada pekerjaannya sebagai kerani. Pihak responden tidak berpuas hati terhadap keputusan itu dan telah membuat rayuan kepada Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial ('JRKS') menurut s 84 Akta tersebut. JRKS telah membenarkan rayuan responden, dan pihak perayu telah merayu ke mahkamah ini. Isu yang dipertikaikan ialah sama ada kemalangan itu berlaku 'in the course of employment'.

Diputuskan, menolak rayuan dengan kos:

(1) Responden telah menjalani latihan bola jaring bukan untuk dirinya sendiri tetapi dijalankan atas arahan pihak majikan dan untuk manfaat majikan. Latihan yang dijalani oleh responden memang diketahui dan dibenarkan oleh majikan responden. Mahkamah ini berpendapat bahawa apa yang dilakukan oleh responden adalah 'Incidental to this contract of service although she might be under no duty to do it' dan kecederaan yang dialaminya terbit dalam masa menjalankan perkerjaannya dan merupakan satu bencana kerja seperti yang diputuskan dalam JRKS (lihat perenggan 22, 26, 32 dan 33).

(2) Keputusan yang dibuat oleh pihak JRKS lebih merupakan peringkat jabatan dan mengikut s 17 Peratuan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Acara Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial) 1976, Mahkamah akan mencelah perintah JRKS hanya jika ia jelas bahawa terdapat salah-arahan (misdirection). Di dalam kes ini tidak terdapat sebarang salah-arahan sedemikian, maka tidak ada sebab kenapa mahkamah

diperingkat ini perlu menganggu keputusan tersebut (lihat perenggan 30 dan 33).

[**English summary**

The respondent, a clerk attached to Bank of Commerce (M) Sdn Bhd, is an 'insured person' within the meaning of the Employees Social Security Act, 1969 ('the Act'). She was selected to represent her employer in a netball tournament to be held between banks and was given time-off by her employer to attend practice sessions that usually took place during and after office hours. On 15 June 1999, while the respondent was undergoing netball training at the Titiwangsa Lake Gardens netball court, she had a fall and was injured. This incident took place at about 6.45pm. The appellants held that this incident was not a case of 'employment injury' within the meaning of s 2(6) of the said Act due to the fact that the accident that was sustained by the respondent while playing netball, happened after office hours and playing netball was not part of her job as a clerk. The respondent, dissatisfied with the decision, appealed to the Social Security Appeal Board ('the Board') pursuant to s 84 of the said Act. The Board allowed the appeal, but the appellants appealed to this court. The issue considered was whether the accident arose 'in the course of employment'.

Held, dismissing the appeal with costs:

(1) The respondent had to undergo netball training, not for herself but on the instruction of her employer and for the benefit of the employer. Her employer was fully aware of the training she was undergoing and fully consented to it. The court was of the opinion that all actions done by the respondent were 'incidental to this contract of service although she might be under no duty to do it' and the injury sustained arose in the course of employment and was 'employment injury' as had been decided by the Board (see para).

(2) The decision that was made by the Board was at a departmental level and pursuant to s 17 of the Employment Social Security (Social Security Appellate Board) Regulations 1976, the court would only intervene with a decision of Board, if it was clear that there was a misdirection. In this case there was none. Therefore, there was no reason for the court to interfere with the decision at this stage (see para).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pertikaian berkenaan keselamatan sosial, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (4th Ed 2003 Reissue) perenggan 1463–1464.

Untuk keselamatan sosial, lihat 7 *Halsbury's Laws of Malaysia*, perenggan [120.055] – [120.061].

Kes-kes yang dirujuk:

Charles R Davidson & Company v M'Robb or Officer [1918] AC 304 (dirujuk)
Faulkner v Chief Adjudicator Officer The Times 8 April 1994 (dirujuk)

A *R v Industrial Injuries Commissioner, ex p Amalgamated Engineering Union* [1966] 1 All ER 97 (dirujuk)

R v National Insurance Commissioner, ex p Michael [1977] 2 All ER 420 (dirujuk)

The Commonwealth v Oliver [1962] 107 CLJ 353 (dirujuk)

B

Undang-undang yang dirujuk:

Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ss 2, (6), 84

Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial (Acara Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial) 1976 s 17

C

Rayuan dari: Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial bagi Kawasan Tengah, Semenanjung Malaysia Permohonan No. SS98/99.

Azrina Mohd Isa (Skrine) bagi pihak perayu/penentang.

WA Shashila (Ram Rais & Partners) bagi pihak responden.

D

Wan Afrah PK:

[1] Kes ini adalah satu rayuan terhadap keputusan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial ('JRKS') yang telah memutuskan bahawa kemalangan yang berlaku ke atas pemohon/responden pada 15 Jun 1999 adalah suatu kes bencana kerja dalam maksud s 2(6) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

E

Fakta Kes

F **[2]** Responden pada masa kemalangan yang merupakan pekerja di Bank of Commerce adalah seorang 'orang berinsuran' dalam lingkungan maksud Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Waktu bekerja biasa responden pada hari kemalangan ialah dari 9 pagi hingga 5 petang.

[3] Responden mewakili pasukan majikan di dalam permainan bola jaring.
G Perlawanan bola jaring antara bank-bank diadakan pada 31 Julai 1999 sehingga 1 Ogos 1999. Oleh itu, beliau menjalani latihan dan akan digugurkan daripada mewakili majikan jika tidak menjalani latihan.

[4] Pada 15 Jun 1999 semasa responden menjalani latihan bola jaring dipadang bola jaring Taman Tasik Titiwangsa, beliau telah terjatuh. Kejadian
H berlaku pada kira-kira pukul 6.45 petang.

[5] Berdasarkan kepada siasatan dan butir yang diperolehi, Pertubuhan Keselamatan Sosial telah memutuskan bahawa kemalangan yang berlaku ke atas responden bukan satu kes bencana kerja dalam lingkungan maksud s 2(6) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Ini disebabkan kemalangan berlaku
I tiada kaitan dengan pekerjaannya. Di dalam surat responden yang dihantar kepada majikannya bertarikh 18 Ogos 1999, beliau telah menyebut bahawa kemalangan berlaku bukan semasa carnival sukan cuma latihan biasa sahaja.

[6] Pihak responden tidak berpuas hati terhadap keputusan Pertubuhan Keselamatan Sosial itu telah memfailkan rayuan kepada JRKS menurut s 84 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial (Acara Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial) 1976 bagi tujuan menuntut Faedah Bencana kerja.

[7] JRKS telah membenarkan rayuan respondan pada 22 Julai 2002. Pihak perayu tidak berpuas hati dengan keputusan itu dan membuat rayuan ke mahkamah ini

Isu

[8] Isu yang dipertikaikan di sini ialah sama ada kemalangan itu berlaku 'in the course of employment'.

[9] Di dalam kes ini pihak perayu telah berhujah bahawa responden mengalami kemalangan semasa bermain bola jaring yang tiada kena mengena dengan tugasnya sebagai kerani di Bank of Commerce (M) Sdn Bhd.

[10] Peguam perayu telah merujuk kepada s 2 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang memperuntukkan ' "employment injury" means a personal injury to an employee caused by accident on an occupational disease arising out of and in the course of his employment in an industry to which this Act applies'.

[11] Oleh itu, peguambela perayu berhujah bahawa satu kemalangan itu hanya boleh dianggap sebagai 'bencana kerja' apabila kemalangan itu timbul dan berlaku semasa dalam pekerjaan. Beliau telah merujuk kepada kes *R v National Insurance Commissioner, ex p Michael* [1977] 2 All ER 420 (sila rujuk Lampiran B ikatan Autoriti Perayu), kes yang mempunyai fakta yang hampir sama dengan kes di sini. Mahkamah Rayuan England semasa memutuskan bahawa kemalangan yang dialami oleh seorang konstabel polis yang mendapat kecederaan semasa bermain bola sepak dalam kes itu bukan bencana kerja telah memutuskan seperti berikut (Lord Denning MR) (sila rujuk ms 424):

> In my opinion, therefore, it is a mistake in this situation to apply the test of whether he was doing something 'reasonably incidental' to his employment. *The sole question is whether this accident arose 'in the course of his employment'. To my mind it did not. Itwas no part of his employment to play in this same of football.* He was playing in his off-duty time on his rest day. He was in no different position from the bank clerk. (Emphasis added.)

[12] Roskill LJ (sila rujuk ms 429):

> *It was no part of his work as a police officer to plav football for his force team, even though his superiors expected that he would play for that team and every encouragement was given to him so to do*. Nor can I see that the playing of football for the force team can fairly be said to be incidental to his employment as a police officer. (Emphasis added.)

[13] Lawton LJ (sila rujuk ms 431):

> "What he was doing was expected of him; and because it was expected of him the playing can be said to have arisen out of his employment. But that is not enough.

The accident must also arise in the course of the employment. That it did not do, because when playing football he was not engaged in doing something, he was employed to do. (Emphasis added.)

[14] Kes *R v National Insurance Commisioner, ex parte Michael* di atas telah diterima pakai dalam kes *Faulkner v Chief Adjudicator Officer* The Times 8 April 1994 (sila rujuk Lampiran C Ikatan Autoriti Perayu) yang mana Mahkamah Rayuan England sekali lagi memutuskan bahawa kecederaan yang dialami oleh seorang Detektif Sarjan Polis semasa bermain bola sepak tidak boleh dianggap sebagai kemalangan 'arising out and in the course of employment' kerana bermain bola sepak bukanlah sebahagian dan tugas seorang Detektif Sarjan Polis.

[15] Dalam kes ini, peguambela perayu berhujah lagi bahawa kemalangan dialami responden semasa bermain bola jaring di laur waktu kerja dan harus diingat tugas responden di Bank of Commerce adalah sebagai kerani. Maka bermain bola jaring bukan merupakan sebahagian daripada pekerjaan seorang kerani. Ini diakui sendiri oleh Pegawai Eksekutif Sumber Manusia majikan responden.

[16] Peguambela bagi pihak responden pula berhujah bahawa berdasarkan Warta Kerajaan kepada Bill Persekutuan Keselamatan Sosial Pekerja 1969 kenyataan keterangan jelas menunjukkan bahawa syarat-syarat kelayakan tidak akan dikenakan dalam kes bencana kerja.

[17] Perkara 7:

There will be no qualifying conditions in case of employment injury.

[18] Peguamabela responden di dalam penghujahan bertulisnya berkata 'bencana kerja' tidak terhad dan harus diberikan interpretasi yang besar asalkan ia jatuh di bawah definisi yang dinyatakan di bawah Akta ini. Beliau telah merujuk kepada *Halsbury's Laws of England* di mana definisi di atas adalah serupa dengan undang-undang yang terpakai di United Kingdom. Rangkaikata di para 129 (Edisi Keempat Vol 44(2)) adalah berkaitan.

… the decision as to whether there has been an industrial accident is ultimately one of fact. This does not mean that there are no principles in this area, but it does not mean that the full facts of a case must be considered in the light of the statutory wording. The second is that, although it is necessary to break the definition down into its component parts for the purpose of analysis, a decision may ultimately have to be taken on the application of the particular facts to the composite phrase 'accident arising out or and in the course of employment'.

[19] Dalam kes ini, responden dipilih mewakili majikan di dalam pertandingan bola jaring di antara bank-bank. Ini termasuk arahan menjalani latihan-latihan sebelum pertandingan tersebut. Beliau diberi pelepasan daripada kerja oleh majikan untuk menghadiri latihan-latihan dan tindakan disiplin boleh dikenakan jika beliau tidak hadir.

[20] Peguambela responden juga berhujah bahawa sekiranya responden tidak mematuhi arahan untuk membuat latihan, tindakan disiplin yang diambil kelak sememangnya akan menjejaskan prestasi jawatan kakitangan tersebut sebagai kerani.

[21] Di sini adalah jelas bahawa responden memang secara munasabah dijangka menghadiri latihan-latihan yang diadakan oleh majikannya. Justeru itu, kehadirannya merupakan satu kejadian pekerjaan (incidence of employment).

[22] Responden berhujah bahawa pihak perayu tidak boleh mengasingkan bermain bola jaring untuk bank dan tugas responden sebagai seorang kerani di bank. Pemohon menjalankan latihan bola jaring tersebut, bukan untuk dirinya sendiri, tetapi bagi dan berkaitan dengan majikannya. Pertandingan di antara bank memberi manfaat kepada majikannya.

[23] Di dalam penghujahan bertulisnya, peguam pihak responden telah merujuk kepada kes *Charles R Davidson & Company v M'Robb or Officer* [1918] AC 304, Lord Dunedin pada ms 321 mengatakan bahawa:

> In my view, 'in the course of employment' is a different thing from 'during the period of employment'. It connotes, to my mind, the idea that the workman or servant is doing something which is part of his service to his employer or master. No doubt it need not be actual work, but it must, I think, be work, or the natural incidents connected with the class of work …

[24] Mahkamah Tinggi dalam kes *The Commonwealth v Oliver* [1962] 107 CLR 353 memutuskan bahawa seorang kakitangan yang tercedera sewaktu bermain kriket di dalam kawasan majikan semasa waktu rehat/makannya, adalah tercedera di dalam perjalanan pekerjaannya.

[25] Di dalam kes *R v Industrial Injuries Commissioner, ex p Amalgamated Engineering Union* [1966] 1 All ER 97, Mahkamah Rayuan juga memutuskan bahawa ujian sama ada seorang pekerja bertindak dalam masa menjalankan pekerjaan ialah sama ada apa yang dilakukannya berkaitan dengan kontrak perkhidmatannya walaupun dia tidak di bawah satu duti/tugas untuk melakukannya.

> *Held:* the test whether an employee was acting in the course of his employment was whether what he was doing was something incidental to his contract of service, although he might be under no duty to do it; … .

[26] Hujahan juga dibuat bahawa latihan yang dijalani oleh responden bukannya satu tindakan yang tidak dibenarkan atau tidak diketahui oleh majikan. Responden menjalani latihan tersebut atas arahan dan selaku perkhidmatannya kepada majikan.

[27] Peguam responden berhujah lagi bahawa tidak ada perbezaan di antara kecederaan yang dialami semasa waktu kerja atau di luar waktu kerja, kerana aktiviti tersebut sememangnya dijalankan atas arahan pihak majikan dan untuk manfaat majikan. Lord Denning juga di dalam ke *R v National Insurance Commissioner* yang dirujuk oleh perayu di dalam penghujahan bertulisnya, mengesahkan isu ini.

[28] Peguam responden juga di dalam penghujahan bertulisnya menegaskan bahawa setiap kes harus diputuskan sebagai persoalan fakta dan oleh itu kes *R v National Insurance Commissioner* tidak wajar diterima pakai dengan sepenuhnya;

A As elsewhere in the industrial injuries scheme there is a large body of guiding case (under both the existing scheme and the previous workmen's compensation legislation) but ultimately each case must be decided as a question of fact; excessive reliance on previous, apparently similar, reported cases without applying them fully to the findings of fact may be an error of law.

B **[29]** Selain daripada itu, peguambela pihak responden juga berhujah bahawa s 17 Peratuan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Acara Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial) 1976 jelas menyatakan bahawa:

(1) Tiada Rayuan kepada Mahkamah Tinggi boleh dibuat terhadap perintah Jemaah melainkan jika perintah itu melibatkan iaitu soalan undang-undang yang
C sewajarnya.

[30] Oleh itu, bidang kuasa mahkamah yang mulia ini dihadkan kepada persoalan undang-undang yang timbul daripada keputusan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial dan mahkamah patut mencelah hanya jika ia jelas
D bahawa terdapat salah-arahan (misdirection) oleh Pengerusi Jemaah Rayuan. Adalah hujahan responden dengan rendah diri bahawa tidak terdapat sebarang arahan-arahan sedemikian di dalam kes ini.

[31] Sebagai jawapan terhadap tohmahan peguam responden bahawa tindakan disiplin boleh diambil jika responden tidak menghadiri latihan,
E selepas meneliti rekod rayuan, saya bersetuju dengan peguam perayu bahawa tindakan disiplin hanya dikenakan sekiranya responden diberi pelepasan untuk menjalani latihan tetapi tidak menghadiri latihan tanpa sebab dan alasan munasabah. Oleh itu, penghujahan peguam responden mengenai isu ini adalah kurang tepat. Mahkamah juga mengambil perhatian bahawa menurut surat
F bertarikh 12 September 2001 dari majikan responden telah menyatakan bahawa responden tidak di bawah obligasi untuk menghadiri aktiviti bermain bola jaring sebagai sebahagian daripada pekerjaan beliau.

[32] Walau bagaimanapun mahkamah ini berpendapat apa yang dilakukan oleh responden adalah 'incidental to this contract of service although he might
G be under no duty to do it'. Dari fakta kes ini nampaknya latihan yang dijalani oleh responden memang diketahui dan dibenarkan oleh majikan responden. Beliau memang memberi perkhidmatan dan untuk manfaat pihak majikan. Majikan telah memberi masa pelepasan untuk berlatih.

H **[33]** Berdasarkan surat bertarikh 12 September 2001, latihan bola jaring pada lazimnya juga dijalankan pada dan selepas waktu pejabat. Oleh itu saya berpendapat bahawa responden telah menjalani latihan bola jaring bukan untuk dirinya sendiri dan kecederaan yang dialaminya terbit dalam masa menjalankan perkerjaannya dan merupakan satu bencana kerja seperti yang diputuskan dalam Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial. Tambahan pula
I keputusan yang dibuat oleh pihak Jemaah lebih merupakan peringkat jabatan maka tidak ada sebab kenapa Mahkamah di peringkat ini perlu menganggu keputusan tersebut

[34] Dengan itu, rayuan pihak perayu adalah ditolak dengan kos. **A**

Rayuan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed

B

C

D

E

F

G

H

I